

Sarjana Psikologi Klinikal

Pengenalan

Program Sarjana Psikologi Klinikal adalah program sarjana yang ditawarkan secara sepenuh masa selama dua tahun. Program ini memberi persediaan dan latihan profesional dalam menghasilkan ahli psikologi klinikal. Ahli psikologi klinikal terlibat dalam aktiviti mencegah, menaksir, mendiagnos serta merawat kecelaruan psikologi termasuk kecelaruan emosi, personaliti, pembelajaran serta masalah tingkah laku yang mengganggu fungsi harian dan kefungsian sosial.

Program ini mengandungi struktur kerja kursus, penyelidikan dan latihan klinikal. Subjek teras pengajian termasuklah psikologi klinikal kanak-kanak dan remaja, psikologi klinikal dewasa, ujian dan penaksiran psikologi, pendekatan psikoterapi, penilian dan terapi kognitif tingkah laku serta kaedah penyelidikan dan statistik. Pelajar akan menjalani penempatan dan latihan klinikal di Klinik Psikologi Kesihatan, UKM dan beberapa buah hospital kerajaan, hospital universiti serta institusi kesihatan mental di seluruh Negara. Sepanjang latihan klinikal pelajar dilatih untuk mengendalikan penilaian psikologi, membuat diagnosis serta menjalankan terapi individu dan terapi kelompok kepada kumpulan pesakit kanak-kanak, remaja, dewasa atau warga tua. Pelajar juga perlu menjalankan penyelidikan dalam bidang psikologi klinikal termasuk isu kecelaruan psikologi, psikogeriatrik, psikoseksual, penyalahgunaan dadah dan bahan, kualiti hidup, psikologi perubatan dan rehabilitasi psikologi di bawah penyeliaan rapat ahli-ahli fakulti.

FAQ

1. **Q. Bagaimana program ditawarkan?**
 - A. Program ini adalah program sarjana sepenuh masa
2. **Q. Berapa lama tempoh pengajian bagi program ini?**
 - A. 2 tahun / 4 semester
3. **Q. Apakah kelayakan asas untuk memohon?**
 - A. Calon-calon yang memohon untuk mengikuti program ini mestilah mematuhi syarat-syarat kemasukan seperti berikut:
 - i. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf dengannya dan kredit dalam Bahasa Melayu atau kepujian dalam Bahasa Melayu kertas Julai; dan
 - ii. Mempunyai Ijazah Sarjanamuda dalam bidang psikologi (dengan nilai PNGK tidak kurang daripada 3.00) dari Universiti Kebangsaan Malaysia atau kelulusan lain yang setaraf dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat; atau
 - iii. Mempunyai Diploma Siswazah dalam bidang Psikologi atau Kaunseling dari Universiti Kebangsaan Malaysia atau institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat; dan
 - iv. Lulus ujian temuduga serta ujian aptitud yang dilaksanakan oleh pihak program; dan
 - v. Pemohon antarabangsa perlu lulus ujian Bahasa Inggeris dengan markah minima (TOEFL 580/ TOEFL-CBT 230/TOEFL-IBT 88 ATAU aras minima IELTS 6.5).

4. Q. Berapakah yuran pengajian mengikut semester?

A. Yuran Tempatan

YURAN PENGAJIAN DALAM MATAWANG RINGGIT MALAYSIA (RM)		
SARJANA		
SEPUHUH MASA		
Pendaftaran & Konvokesyen (Tidak termasuk yuran pengajian)	Yuran Pengajian (Setiap Semester)	Jumlah minimum yuran keseluruhan (4 Semester)
RM 385	RM 1,585	RM 6,725

B. Yuran Antarabangsa

YURAN PENGAJIAN DALAM RINGGIT MALAYSIA (RM)		
SARJANA		
SEPUHUH MASA		
Yuran Pendaftaran & Konvokesyen (Tidak termasuk yuran pengajian)	Yuran Pengajian (Setiap Semester)	Jumlah yuran minimum keseluruhan (4 Semesters)
RM 485	RM 3,500	RM 14,485

5. **Q. Apakah prosedur untuk memohon program ini?**

- A. Tentatif permohonan;
- i. Program ini ditawarkan sekali setahun pada awal bulan April.
 - ii. Permohonan boleh dilakukan pada lawan sesawang berikut <http://guest.ukm.my/>.
 - iii. Tarikh tutup permohonan ialah pada akhir bulan Mei.
 - iv. Temuduga calon pelajar akan dilakukan pada akhir bulan Jun atau awal bulan Julai
 - v. Keputusan permohonan boleh disemak pada akhir bulan Julai.
 - vi. Tarikh kemasukan adalah pada pertengahan bulan September.

6. **Q. Apakah bahasa pengedalian bagi program ini?**

- A. Bahasa Inggeris

7. **Q. Apakah struktur asas program ini?**

- A. Program ini terbahagi kepada 3 struktur;
- i. Kerja kursus.
 - ii. Penyelidikan.
 - iii. Penempatan klinikal.

8. **Q. Apakah sibus/kurikulum bagi program ini?**

- A. Silibus/kurikulum untuk setiap semester adalah seperti berikut:

i. Semester 1

- | | |
|----------|---|
| NNNC5012 | Metodologi Penyelidikan dan Biostatistik |
| NNNC5013 | Ujian dan Penaksiran Psikologi |
| NNNC5033 | Penaksiran Tingkahlaku |
| NNNC5053 | Psikologi Klinikal Kanak-kanak & Remaja I |
| NNNC5073 | Psikologi Klinikal Dewasa I |
| NNNC5093 | Pendekatan Terapi dan Kemahiran Interpersonal |

ii. Semester 2

- | | |
|----------|---|
| NNNC5021 | Psikofarmakologi dan Psikologi Silang Budaya |
| NNNC5023 | Neuropsikologi |
| NNNC5043 | Psikologi Kesihatan dan Kesihatan Mental Komuniti |
| NNNC5063 | Psikologi Klinikal Kanak-kanak & Remaja II |
| NNNC5083 | Psikologi Klinikal Dewasa II |
| NNNC5015 | Penempatan Klinikal I |

iii. Semester 3

- NNNC6011 Seminar Psikologi Klinikal
- NNNC6012 Projek Penyelidikan Psikologi Klinikal I
- NNNC6015 Penempatan Klinikal II

iv. Semester 4

- NNNC6022 Projek Penyelidikan Psikologi Klinikal II
- NNNC6025 Penempatan Klinikal III